

Peraturan pilihanraya akan dipinda

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Kerajaan akan meminda Peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pilihanraya) 1981 bagi membolehkan tatacara pendaftaran pemilih baru diubah untuk mengelakkan masalah kehilangan nama-nama pengundi yang sedia ada, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, peraturan pendaftaran pemilih yang sedia ada terlalu longgar sehingga membolehkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk menggugurkan nama pemilih lain.

"Kita dapati peraturan (pendaftaran pemilih) yang ada sekarang agak ganjil kerana sementara seorang hendak jadi pemilih kena daftar sendiri tetapi kalau nak batalkan, sesiapa sahaja boleh batalkan.

"Saya fikir ini (peraturan) kena pinda ... sesiapa nak batal, dia sendiri kena pergi orang lain tak boleh buat," kata beliau kepada para pemberita selepas mengunjungi rumah terbuka Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunda tarikhewartakan Daftar Pemilih 1994 yang dijadualkan semalam sehingga 9 Februari ini ekoran kehilangan sebanyak 4,500 nama pemilih dalam senarai pendaftaran pengundi bagi negeri Kelantan.

Semalam Pengerusi SPR, Datuk Harun Din berkata, berdasarkan padit senarai yang dimiliki oleh ibu pejabat badan bebas itu, jumlah bilangan pemilih berdaftar di Kelantan berkurangan sebanyak 4,500 orang setelah dibandingkan dengan daftar yang ada pada Pejabat SPR negeri itu.

Dr. Mahathir menjelaskan, peraturan pilihanraya yang ada sekarang membolehkan seorang individu membatalkan nama beratus orang pemilih daripada senarai daftar pemilih sekiranya

dipersetujui oleh pegawai pendaftaran pemilih.

Sebagai contoh, kata beliau, adakalanya seseorang itu mengisi borang pembatalan nama pemilih tidak lengkap tetapi diterima oleh sesetengah pegawai pendaftaran yang mempunyai fahaman politik kumpulan-kumpulan tertentu.

"Hendak daftar susah, tetapi untuk orang potong nama sesiapa pun boleh. Kalau seseorang itu sudah mati, nama tak perlu dibatalkan ataupun dibuang kerana dia tak boleh mengundi," katanya.

Beliau menjelaskan, seseorang yang mendapati namanya hilang daripada senarai, perlu mengemukakan bantahan sekiranya mahu nama dimasukkan semula.

Bantahan

Bagaimanapun, kata beliau, dalam keadaan tertentu, individu berkenaan tidak dapat menghadiri perbicaraan kerana tidak menerima notis yang meminta dia hadir perbicaraan.

"Kalau ada bantahan, seseorang itu mesti dibicarakan, barulah dia boleh masuk sekali namanya. Tetapi untuk bicara, dia kena dapat notis.

"Kadangkala notis itu sekiranya satu atau dua orang boleh hantar, tetapi kalau sampai 5,000 orang, notis kadangkala tak sampai mungkin mereka berada di luar negara atau di tempat lain," jelas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, notis yang dikeluarkan untuk memaklumkan tentang tarikh perbicaraan hanya memberikan tempoh masa selama tiga hari sahaja.

Tambah beliau, berdasarkan peraturan yang ada, sekiranya seseorang itu gagal hadir dalam perbicaraan berhubung sesuatu bantahan, sama ada dia terima notis ataupun tidak, namanya secara automatik terkeluar daripada senarai pemilih.